

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## TIADA KELULUSAN MITI: 2 TAPAK PROJEK DI MELAKA DITUTUP, TAK PATUH SOP: 1 TAPAK PROJEK DI JOHOR DITUTUP

24 Jun 2021

### PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: MELAKA

Satu Operasi Penguatkuasaan PKP 3.0 CIDB Negeri Melaka telah dillakukan di sekitar Daerah Melaka Tengah.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 16 tapak :

- 14 tapak tidak beroperasi
- 2 tapak beroperasi diarahkan **menghentikan operasi kerana tidak patuh SOP**

Kedua-dua tapak yang menjalankan projek pembinaan galeri jualan serta rumah kedai dan satu lagi projek pembinaan bangunan perniagaan 5 tingkat didapati tidak patuh SOP telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Melaka kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Beroperasi tanpa kelulusan MITI
- Rumah penginapan pekerja yang disediakan tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Gagal memperkenan ikrar akujanji CIDB
- Gagal menyediakan penyelia dan pegawai COVID-19
- Jumlah pekerja di tapak bina melebihi 60% yang dibenarkan
- Gagal menyediakan senarai pekerja kontraktor utama/ sub kontraktor yang terlibat
- Saringan suhu dan rekod tidak dilaksanakan di pintu masuk tapak bina

- Gagal menyediakan QR kod imbas aplikasi mySejahtera

**Tidakaran:** Notis tutup tapak N3E/2021 dikeluarkan kepada Kontraktor Utama (Main Contractor).

## **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: JOHOR**

Satu Operasi Penguatkuasaan PKP 3.0 CIDB Negeri Johor telah dilakukan di sekitar Daerah Johor Bahru.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 19 tapak :

- 15 tapak tidak beroperasi
- 4 tapak beroperasi tetapi **1 tapak tidak patuh SOP**

Satu (1) tapak bina yang menjalankan projek pembinaan rumah keluarga angkatan tentera didapati tidak patuh SOP telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Johor kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Rumah penginapan pekerja yang disediakan tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**Tindakan:** Notis tutup tapak N3E/2021 dikeluarkan kepada Kontraktor Utama (Main Contractor) dan Notis mengemukakan maklumat mengenai industri pembinaan N2/2015.

## **LATAR BELAKANG**

Sebanyak 157 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, sebanyak 2,807 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 542 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 2,265 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 542 tapak yang beroperasi didapati 157 tapak pembinaan (29%) tidak mematuhi SOP, manakala 385 (71%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 157 tapak

pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun 20 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 157 tapak pembinaan yang ditutup sebanyak 49 terletak di Sarawak, di Selangor (29 tapak pembinaan), Melaka (14), Pulau Pinang (10), Sabah (11), Johor (8), Terengganu (6), Pahang (6), Perak (6), Kuala Lumpur (5), Negeri Sembilan (5), Kedah (3), Perlis (3) dan Kelantan (2).

Manakala 20 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Selangor (6), Melaka (5), Terengganu (4), Johor (2), Kuala Lumpur (1), Sarawak (1) dan Kedah (1).

### **PERINGATAN**

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

####

# Penguatkuasaan CIDB Melaka



